

## PERANAN ZAKAT DALAM MENCAPAI EKUITI PENDIDIKAN DI MALAYSIA

### THE ROLE OF ZAKAT IN ACHIEVING EDUCATIONAL EQUITY IN MALAYSIA

Muhammad Saiful Islami Mohd Taher<sup>1\*</sup>

Siti Aisyah Yusof<sup>2</sup>

Hapiza Omar<sup>3</sup>

Hanani Ahmad Fuad<sup>4</sup>

Samsiah Bidin<sup>5</sup>

Daing Maruak Sadek<sup>6</sup>

Muhammad Saiful Islam Ismail<sup>7</sup>

<sup>1</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia,  
(Email: msaiful0860@uitm.edu.my)

<sup>2</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia,  
(E-mail: aisyah421@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia,  
(E-mail: hapizo45@uitm.edu.my)

<sup>4</sup>Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia,  
(E-mail: hanan5560@uitm.edu.my)

<sup>5</sup>Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia,  
(E-mail: samsiah482@uitm.edu.my)

<sup>6</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia,  
(E-mail: daing729@uitm.edu.my)

<sup>7</sup>Akademi Pengajian Islam Kontemporari, UiTM Cawangan Kedah, Malaysia,  
(E-mail: saifulislam@uitm.edu.my)

\*corresponding author

#### Article history

**Received date** : 22-7-2024

**Revised date** : 23-7-2024

**Accepted date** : 15-8-2024

**Published date** : 30-8-2024

#### To cite this document:

Mohd Taher, M. S. I., Yusof, S. A., Omar, H., Ahmad Fuad, H., Bidin, S., Sadek, D.M., & Ismail, M. S. I. (2024). Peranan zakat dalam mencapai ekuiti pendidikan di Malaysia. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 9 (65), 487 - 499.

**Abstrak:** Zakat merupakan rukun Islam yang wajib ditunaikan oleh setiap orang Islam yang berkemampuan. Zakat bukan sahaja merupakan ibadah tetapi juga berfungsi sebagai instrumen yang sangat penting dalam mempromosikan keadilan sosial dan ekonomi dalam masyarakat. Pendidikan adalah satu asas yang sangat penting dalam proses membangunkan individu dan masyarakat. Ia memainkan peranan utama dalam mengurangkan ketidaksamaan sosial dan ekonomi. Artikel ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana zakat berperanan dalam membantu golongan kurang berkemampuan untuk mendapatkan peluang pendidikan yang saksama dan berkualiti. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan reka bentuk kajian kepustakaan dengan menganalisis dokumen-dokumen berkaitan zakat dan ekuiti pendidikan serta menghuraikan beberapa peranan yang boleh dimainkan oleh zakat dalam usaha menangani masalah keciciran pelajar dalam pelajaran yang disebabkan oleh kemiskinan. Kajian mendapati bantuan zakat pendidikan sangat berperanan penting dalam membantu

pelajar untuk memenuhi keperluan pendidikan mereka. Dengan jumlah dana zakat yang banyak, pelbagai perkara untuk kemajuan umat Islam dapat direalisasikan antaranya ialah dapat memberikan bantuan kewangan dan juga persekolahan kepada anak-anak asnaf zakat yang tidak berkemampuan. Kerjasama pelbagai pihak amat diperlukan untuk meningkatkan lagi peranan zakat dalam usaha mencapai ekuiti dalam pendidikan di Malaysia dengan lebih efisien.

**Kata kunci:** Zakat, Pendidikan, Peranan zakat, Ekuiti dalam pendidikan.

**Abstract:** *Zakat is a pillar of Islam that must be fulfilled by every capable Muslim. Zakat is not only an act of worship but also functions as a very important instrument in promoting social and economic justice in society. Education is a very important foundation in the process of developing individuals and society. It plays a key role in reducing social and economic inequalities. This article aims to examine how zakat plays a role in helping the less fortunate to obtain fair and quality educational opportunities. This study was conducted using a literature study design by analyzing documents related to zakat and educational equity and describing several roles that zakat can play in an effort to address the problem of student dropout due to poverty. The study found that zakat education assistance plays a very important role in helping students meet their educational needs. With a large amount of zakat funds, various matters for the benefit of the Muslim ummah can be realized, including providing financial assistance and schooling to the children of the less fortunate zakat recipients. The cooperation of various parties is needed to further enhance the role of zakat in an effort to achieve equity in education in Malaysia more efficiently.*

**Keywords:** *Zakat, Education, The roles of zakat, Equity in education.*

## Pendahuluan

Isu keciciran pelajar dari alam persekolahan sewajarnya diberi perhatian yang serius oleh semua pihak. Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek menyatakan bahawa kemiskinan dikenal pasti sebagai antara faktor keciciran pelajaran dalam kalangan murid dan pelajar (Bernama, 2023). Timbalan Menteri Pendidikan, Lim Hui Ying pula memaklumkan di Dewan Rakyat bahawa kadar keciciran di peringkat sekolah menengah adalah lebih tinggi kerana kebanyakan pelajar memilih untuk bekerja disebabkan kemiskinan yang dihadapi dan perlu menyara kehidupan keluarga masing-masing. Statistik yang dikeluarkan sehingga Jun 2022 menunjukkan kadar keciciran murid di seluruh negara pada peringkat sekolah rendah adalah sebanyak 0.07 peratus, manakala di peringkat sekolah menengah pula adalah 0.99 peratus (Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid, 2023).

Sehubungan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menyediakan sebanyak 18 jenis bantuan persekolahan bagi tahun 2023 yang terdiri daripada 13 jenis bantuan khusus dan lima jenis bantuan umum yang diberikan kepada murid yang layak dari keluarga berpendapatan rendah atau miskin misalnya Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP), Rancangan Makanan Tambahan (RMT), Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM), Bantuan Awal Persekolahan (BAP), Bantuan Makanan Asrama (BMA), Bantuan Perjalanan dan Pengangkutan Murid Asrama (PPM) dan Bantuan Pakaian Seragam Badan Beruniform (BPS). Di samping itu, pelbagai bantuan lain seperti pinjaman buku teks serta khidmat guru bimbingan dan kaunseling dan guru pemulihan turut disediakan oleh KPM bagi menyokong minat murid untuk meneruskan pembelajaran di sekolah (Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid, 2023).

Dalam agama Islam, terdapat ibadah yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan Allah dan ibadah yang berkaitan hubungan sesama manusia. Zakat adalah salah satu contoh ibadah fardu yang berkaitan sesama manusia. Zakat merupakan salah satu rukun Islam yang wajib dilaksanakan oleh setiap individu Muslim yang berkemampuan. Ia bukan sahaja merupakan ibadah, tetapi juga merupakan instrumen penting dalam mencapai keadilan sosial dan ekonomi dalam masyarakat. Zakat berasal dari perkataan Arab yang bermaksud membersihkan, menyucikan dan menyuburkan (Al-Hadhrami Asy-Syafie, 2012). Dalam konteks kewangan, zakat merujuk kepada sejumlah harta yang wajib dikeluarkan oleh individu Muslim untuk disalurkan kepada golongan yang memerlukan. Zakat terbahagi kepada dua jenis zakat yang utama iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah dikeluarkan pada bulan Ramadhan sebelum Hari Raya Aidilfitri, manakala zakat harta dikeluarkan berdasarkan harta yang dimiliki seperti zakat emas dan perak, zakat perniagaan, pertanian, penternakan, galian dan lain-lain (Muhadir Haji Joll, 2017).

Zakat berfungsi sebagai mekanisme untuk mengurangkan jurang kekayaan dalam masyarakat dan membantu golongan masyarakat yang memerlukan. Dalam konteks pendidikan, zakat memainkan peranan yang signifikan dalam memberi bantuan kepada pelajar asnaf seterusnya dapat meningkatkan ekuiti pendidikan terutamanya bagi golongan yang kurang bernasib baik di negara kita. Sumbangan zakat pendidikan dilihat sebagai satu tindakan tepat yang dapat membantu meningkatkan taraf pendidikan asnaf sekaligus membantu meningkatkan taraf sosio-ekonomi umat Islam. Keberkesanan pemberian bantuan zakat kepada pelajar asnaf akan dapat membawa kepada pencapaian ekuiti pendidikan selaras dengan dasar pendidikan negara.

Justeru, objektif artikel ini adalah untuk menjelaskan peranan zakat dalam membantu mencapai ekuiti dalam pendidikan terutamanya bagi pelajar-pelajar asnaf yang tidak berkemampuan dari segi kewangan.

### Sorotan Kajian Lepas

Terdapat beberapa teori pendidikan moden yang memberikan fokus kepada prinsip keadilan dan ekuiti. Antaranya Rawls (1971, 1999) mengemukakan teori '*Justice as Fairness*,' dengan menekankan dua prinsip utama iaitu '*Principle of Liberty*' dan '*Principle of Equality*'. Dua prinsip tersebut mengutamakan kebebasan asas dan kesamarataan peluang. Teori Keadilan Rawls ini sering dijadikan sebagai asas dalam perbincangan mengenai keadilan dan ekuiti dalam aspek pendidikan.

Kajian oleh Solis (2000) menerangkan bahawa dimensi ekuiti pendidikan dapat dikembangkan dengan menekankan beberapa objektif iaitu kejayaan pencapaian akademik, hasil pembelajaran, peluang pendidikan yang sama, keterangkuman (*inclusivity*) dan kesamarataan akses pendidikan. Solis turut menekankan bahawa ekuiti dalam pendidikan bukan sekadar menyediakan peluang pendidikan yang sama, tetapi juga menyediakan sumber pendidikan yang mencukupi dan seimbang kepada semua pelajar. Castelli, Ragazzi dan Crescentini (2012) juga berpendapat sedemikian dan turut disokong oleh Leon dan Valdivia (2015) iaitu dengan menekankan pentingnya pengagihan sumber pendidikan yang adil dan pelaksanaan pelbagai program pendidikan untuk memastikan ekuiti pendidikan tercapai secara kolektif dan menyeluruh kepada setiap pelajar.

Menurut perspektif Islam pula, zakat merupakan instrumen yang sangat penting bagi meningkatkan kualiti pendidikan terutamanya kepada golongan asnaf penerima bantuan zakat. Terdapat banyak kajian yang menunjukkan bantuan zakat bukan hanya sekadar memberikan

sokongan kewangan, tetapi juga berperanan dalam meningkatkan pencapaian akademik dan sosial pelajar miskin. Ini termasuklah pemberian biasiswa, bantuan material dan sokongan lain yang membantu golongan kurang bernasib baik untuk memperoleh pendidikan berkualiti.

Kajian oleh Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd Ali Mohd Noor (2004) menunjukkan bahawa bantuan zakat memberikan impak positif yang signifikan terhadap kualiti hidup asnaf khususnya dalam bidang pendidikan. Pemberian bantuan zakat dan pada masa yang sama seiringan dengan sokongan dan bantuan oleh pihak kerajaan, dapat membantu anak-anak penerima zakat menerima pendidikan yang lebih baik. Kajian yang melibatkan daerah seperti Jerantut, Taiping dan Sandakan ini mendapati bahawa zakat bukan sahaja berperanan sebagai bantuan kewangan, tetapi juga sebagai instrumen penting untuk meningkatkan taraf pendidikan dan memutuskan kitaran kemiskinan.

Hal ini turut dipersetujui oleh Azman Ab Rahman dan Ainatul Syafiqah Mohd Din (2015). Kajian mereka mendapati bahawa Baitulmal Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) telah memainkan peranan yang penting dalam memastikan pendidikan asnaf terjamin dengan menyediakan pelbagai inisiatif dan pendekatan dengan cara menawarkan bantuan kepada asnaf melalui skim-skim bantuan pendidikan. Skim dan bantuan zakat pendidikan yang disediakan ini dilihat mampu untuk membantu golongan asnaf untuk mengubah taraf kehidupan mereka supaya dapat keluar daripada kepompong kemiskinan melalui peluang dan bantuan pendidikan yang disediakan.

Kajian oleh Norfariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad (2017) pula memfokuskan kepada pelajar miskin bandar yang menerima bantuan zakat daripada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Kajian ini mendapati bahawa zakat berperanan penting dalam meningkatkan ekuiti pendidikan anak-anak miskin bandar di Malaysia melalui bantuan seperti biasiswa, buku, pakaian dan sokongan moral. Bantuan zakat bukan sahaja memenuhi keperluan pendidikan tetapi juga memberi kesan positif terhadap pembelajaran pelajar. Namun begitu, kajian oleh Norfariza Mohd Radzi dan Husaina Banu (2017) menunjukkan zakat hanya memberi peningkatan sederhana dalam pencapaian pendidikan pelajar miskin. Walaupun kesannya sederhana, ia tetap signifikan dalam membantu mereka menikmati pendidikan yang sepatutnya.

Hasil kajian Norfariza Mohd Radzi dan Asmak Ab. Rahman (2019) pula mendapati bahawa agihan zakat memberikan kesan positif dalam meningkatkan ekuiti pendidikan bagi pelajar Muslim yang miskin. Zakat membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar dengan menyediakan sumber pendidikan dan peribadi yang diperlukan serta menurunkan kadar kecinciran. Dengan memenuhi keperluan asas dalam pendidikan, bantuan zakat akan dapat memastikan pelajar asnaf tersebut kekal dalam sistem pendidikan, mengurangkan risiko mereka terkeluar dari sekolah di samping mempromosikan ekuiti pendidikan dengan mengurangkan ketidaksamaan sosial dalam kalangan pelajar miskin.

Mohamad Muhaimin Mohamad Zaki dan Azman Abdul Rahman (2019) dalam kajian mereka mendapati agihan zakat pendidikan merupakan antara agihan terbesar di Zakat Pulau Pinang (ZPP). Terdapat dua bentuk agihan zakat pendidikan yang dilakukan oleh ZPP iaitu agihan kepada institusi dan individu. Bagi merealisasikan hasrat tersebut, ZPP telah melakukan pelbagai transformasi dan kepelbaagaihan dalam agihan zakat pendidikan antaranya seperti penggunaan laman sesawang, penubuhan skuad jejak asnaf dan program usahasama bersama agensi lain terutamanya dalam bidang yang diperlukan oleh umat Islam seperti kejuruteraan dan perakaunan. Penambahbaikan dalam sistem agihan zakat ini adalah penting bagi

memastikan peranan zakat pendidikan tercapai selari dengan objektif pensyariatan zakat itu sendiri terhadap umat Islam.

Kajian oleh Azizah Othman, Syarifah Md Yusof, Raziah Md. Tahir, Norashidah Hashim dan Mardzelah Makhsin (2019) menekankan peranan penting Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) dalam usaha membantu pelajar kurang berkemampuan untuk mendapatkan pendidikan berkualiti melalui peruntukan besar agihan zakat pendidikan dan pelbagai aktiviti yang memberi impak positif. Bantuan zakat pendidikan sangat penting dalam memenuhi keperluan asas pelajar seperti keperluan hidup dan keperluan akademik, yang mana ia merupakan faktor utama dalam kejayaan proses pembelajaran. Kekurangan dalam aspek ini boleh mempengaruhi emosi, motivasi dan prestasi akademik pelajar. Para penulis mencadangkan agar institusi zakat lebih proaktif dalam menyampaikan bantuan zakat secara efisien. Dalam masa yang sama, institusi zakat perlu memperbaiki aspek pemantauan penerima bantuan zakat pendidikan, termasuk memperluas bantuan kepada anak-anak asnaf di peringkat sekolah rendah sebagai usaha untuk memberi sokongan pendidikan pada peringkat lebih awal kepada mereka.

Mohamad Zaki dan Jasni Sulong (2021) dalam kajiannya mendapati pelbagai usaha telah giat dijalankan oleh institusi zakat seperti LZNK dalam menyalurkan bantuan zakat kepada golongan asnaf terutamanya di peringkat pengajian tinggi. Walaubagaimanapun, institusi zakat haruslah memainkan peranan dengan lebih proaktif dari masa ke masa agar segala bentuk skim dan produk agihan bantuan zakat pendidikan benar-benar membawa manfaat kepada penerimanya.

Kajian oleh Zakaria Othman, Hafizah Zainal, Azizah Othman, Mohd Adil Mustaffa, Mohd Faisal Mustaffa dan Muhammad Faiz Hussin Shokri (2021) mendapati Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) berperanan penting dalam membantu golongan asnaf melalui inisiatif pendidikan terutamanya semasa pandemik COVID-19. LZNK mengagihkan RM25.1 juta untuk bantuan pendidikan semasa krisis tersebut, dan RM40.42 juta lagi pada tahun 2020 untuk pelbagai program bantuan pendidikan. Bantuan ini menyokong pendidikan dari peringkat sekolah menengah hingga ke peringkat lebih tinggi, berjaya mengubah status hidup penerima zakat kepada menjadi pembayar zakat. Ini menunjukkan impak besar zakat dalam memperkasakan kehidupan asnaf seterusnya memutuskan kitaran kemiskinan yang membelenggu mereka.

Kajian oleh Nor Asmira Mat Jusoh, Zanirah Mustafa@Busu, Noraini Junoh, Norazmila Yusof dan Ahmad Murshidi Mustapha (2022) pula menekankan peranan penting pendidikan dalam mengubah kehidupan golongan asnaf zakat. Zakat disarankan agar lebih aktif dalam memberikan bantuan pendidikan dari peringkat sekolah rendah hingga pengajian tinggi, sebagai alat untuk memutuskan kitaran kemiskinan dan mengubah mentaliti golongan asnaf. Bantuan pendidikan dilihat bukan hanya sebagai sokongan material, tetapi sebagai kunci transformasi untuk membantu asnaf berdikari dan mencapai kejayaan yang lebih baik bagi memastikan generasi seterusnya tidak mewarisi kemiskinan.

Kajian-kajian terdahulu secara umumnya menunjukkan bahawa zakat pendidikan berupaya memberi kesan positif terhadap golongan asnaf, khususnya dalam membantu pelajar miskin untuk terus mendapatkan peluang-peluang pendidikan yang berkualiti. Walaupun impak zakat pendidikan bervariasi dari sederhana hingga signifikan, kajian-kajian tersebut dapat memperlihatkan sumbangan zakat yang menyeluruh dalam membantu pelajar asnaf untuk mendapatkan akses pendidikan yang adil dan berkualiti.

## Metodologi

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk kajian kualitatif. Menurut Braun dan Clarke (2013), penyelidikan kualitatif menggunakan semua jenis data. Pendekatan ini sesuai kerana kaedah ini memberi peluang kepada penyelidik untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang isu yang dikaji. Analisis data kualitatif adalah salah satu langkah terpenting dalam proses penyelidikan kualitatif kerana ia membantu penyelidik untuk memahami data kualitatif mereka (Leech dan Onwuegbuzie, 2007). Kajian ini menggunakan analisis dokumen bagi mendapatkan maklumat kajian dengan mengenal pasti tema dan corak dalam data. Dokumen yang dianalisis adalah seperti artikel jurnal, kertas kerja prosiding, buku, laman sesawang dan sebagainya bagi menjawab persoalan serta mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengkaji peranan zakat pendidikan dalam mencapai ekuiti dalam pendidikan. Kaedah ini merupakan pendekatan untuk mengekstrak makna dan konsep daripada data termasuk mengenal pasti, memeriksa dan merekodkan corak atau tema (Rubin dan Rubin, 2012).

## Dapatan dan Perbincangan

### Konsep Ekuiti dalam Pendidikan

Ekuiti pendidikan telah menjadi salah satu elemen utama dalam perbincangan reformasi pendidikan dan keadilan sosial di peringkat global. Perbezaan latar belakang sosial, budaya dan ekonomi masyarakat menjadikan jurang dalam pendidikan semakin ketara serta menonjolkan isu-isu kritikal yang berkaitan dengan akses, kualiti dan keterangkuman dalam sistem pendidikan. Sebagai contoh, laporan daripada UNESCO's 2023 Global Education Monitoring Report mendedahkan bahawa walaupun kadar enrolmen pelajar telah bertambah baik, kualiti pendidikan dan hasil pembelajaran kekal tidak sekata dengan kumpulan terpinggir seperti etnik minoriti, pelajar berpendapatan rendah dan kanak-kanak kurang upaya merupakan golongan yang terkesan secara signifikan (UNESCO, 2023). Perbezaan ini bukan sahaja menghalang potensi individu tetapi juga mengekalkan ketidaksamaan sekali gus menjelaskan pembangunan sosial dan ekonomi yang lebih luas.

Dalam menangani cabaran ini, isu berkaitan ekuiti pendidikan perlu difahami melalui kedua-dua kanta teori dan praktikal. Kajian-kajian terkini menekankan bahawa untuk mencapai ekuiti pendidikan memerlukan lebih daripada sekadar pengagihan sumber yang sama; ia memerlukan pemahaman yang tuntas tentang faktor-faktor yang menyumbang kepada jurang yang berterusan (Gorard dan See, 2022). Kerangka konsep yang menggabungkan dimensi keadilan sosial, peruntukan sumber dan amalan pedagogi adalah penting untuk merangka strategi yang berkesan bagi mencapai ekuiti dalam pendidikan (Booth dan Ainscow, 2022).

Dalam konteks Malaysia, ekuiti pendidikan kekal sebagai isu yang mendesak ketika negara berusaha untuk mengimbangi pertumbuhan ekonomi yang pesat dengan keperluan untuk menangani jurang dalam sistem pendidikannya. Walaupun terdapat kemajuan yang ketara dalam infrastruktur pendidikan dan peningkatan pelaburan dalam sektor ini, jurang yang ketara berterusan terutamanya dalam kalangan sosio-ekonomi dan kumpulan etnik yang berbeza. Menurut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2021-2025, walaupun kadar enrolmen sekolah rendah kebangsaan adalah tinggi, mencapai 97.6% pada tahun 2022, tetapi terdapat perbezaan yang ketara dalam keberhasilan pendidikan berdasarkan faktor geografi dan sosio-ekonomi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2023). Pelajar luar bandar dan berpendapatan rendah misalnya, terus menghadapi cabaran dalam mengakses pendidikan berkualiti, dengan tahap prestasi yang lebih rendah dalam pentaksiran negara berbanding rakan mereka di bandar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023).

Ekuiti pendidikan menjadi bidang keberhasilan yang cuba dicapai dalam usaha mentransformasi sistem pendidikan Malaysia seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 iaitu dengan memfokuskan keadilan dan memastikan semua pelajar tanpa mengira latar belakang mendapat sokongan yang diperlukan. Ini adalah aspirasi Malaysia dalam membina sistem pendidikan yang dapat bersaing di peringkat antarabangsa, selaras dengan cabaran ekonomi abad ke-21 dan perubahan dunia globalisasi (Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025).

Data terkini menyerlahkan bahawa pelajar dari latar belakang yang kurang berasib baik adalah berkemungkinan untuk tidak mencapai kelayakan pendidikan tinggi serta menyumbang kepada ketidaksamaan sosial yang berterusan. Laporan Pembangunan Manusia Malaysia 2023 menunjukkan bahawa pelajar daripada golongan berpendapatan rendah mempunyai kebarangkalian yang jauh lebih rendah untuk meneruskan pendidikan mereka selepas sekolah menengah berbanding pelajar daripada keluarga berpendapatan tinggi (UNDP Malaysia, 2023). Perbezaan ini ditambah lagi dengan perbezaan tempat tinggal di mana sumber dan peluang pendidikan diagihkan secara tidak rata antara kawasan bandar dan luar bandar, dan memburukkan lagi cabaran yang dihadapi oleh pelajar di kawasan luar bandar (Bank Dunia, 2023).

Pendidikan dianggap sebagai pelaburan penting untuk masa depan negara ini dengan akses dan ekuiti sebagai fokus utama untuk mencapai negara maju. Salah satu usaha yang dapat dapat dilihat berkaitan dengan ekuiti pendidikan di Malaysia ialah melalui penubuhan Yayasan Pelajaran MARA (YPM) di bawah Seksyen 25, Akta Majlis Amanah Rakyat 1966.

Tujuan utama penubuhan YPM adalah untuk menyediakan kemudahan pelajaran dan latihan kepada golongan Bumiputera, menggalakkan pelajaran dan latihan mereka, serta memperkuuh dan memberikan biasiswa, pemberian dan bantuan lain bagi membolehkan pelajar Bumiputera melanjutkan pelajaran. Datuk Dr Mohd Nizar Sudin, Pengurus Eksekutif Yayasan Pelajaran MARA, menerangkan bahawa Yayasan Pelajaran MARA telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menyokong pendidikan Bumiputera terutamanya dalam kalangan keluarga B40 dengan menyediakan bantuan pelajaran dan biasiswa melalui pelbagai skim seperti Skim Anak Angkat, Program Tuisyen dan Skim Pendidikan Tertiari. Kajian oleh Universiti Putra Malaysia menunjukkan skim-skim ini membantu memotivasi pelajar dan mengurangkan beban kewangan keluarga. Pembiayaan tertiar juga disediakan bagi pelajar yang berkelayakan untuk membantu mereka melanjutkan pelajaran dalam bidang kemahiran penting (Mohd Nizar Sudin, 2021).

### Zakat Pendidikan

Zakat merupakan salah satu instrumen muamalat Islam yang berpaksikan kepada ibadah berbentuk kewangan. Golongan yang kaya dan berkemampuan dari sudut harta benda diwajibkan membantu golongan yang miskin dan serba kekurangan melalui penyaluran dana zakat. Namun demikian, hakikatnya masih ramai dalam kalangan masyarakat Islam di negara kita khususnya golongan asnaf yang tercicir dalam pelajaran dan memerlukan bantuan zakat untuk meneruskan pelajaran mereka (Mohamad Muhammin Mohamad Zaki, Jasni Sulong dan Hafizah Zainal, 2021).

Dalam konteks pendidikan, zakat digunakan untuk menyediakan bantuan kewangan kepada pelajar dari keluarga miskin seterusnya membantu mereka mendapatkan pendidikan yang saksama dan berkualiti. Berdasarkan prinsip-prinsip Islam, sektor pendidikan menjadi antara

fokus utama pengagihan wang zakat (Patmawati Ibrahim, 2008). Pelajar yang miskin memerlukan sejumlah wang sebagai dana pendidikan mereka untuk membayar yuran pengajian, buku, makan minum, tuisyen dan sebagainya. Mereka perlu dibantu bagi memastikan mereka mendapat pendidikan yang sama dengan kanak-kanak lain yang berkemampuan dari segi kewangan.

Dalam hal ini, bantuan pendidikan merupakan salah satu bantuan terpenting kepada golongan asnaf fakir, miskin dan fi sabilillah kerana pendidikan merupakan salah satu kaedah utama yang dapat mengubah kehidupan dan mengeluarkan golongan asnaf ini daripada kemelut kemiskinan dan kefakiran. Setiap institusi zakat perlulah memainkan peranan penting dalam merancang dan merangka kaedah yang boleh mengeluarkan anak-anak asnaf daripada kemiskinan melalui bantuan pendidikan dalam bentuk penyaluran dana zakat (Zakaria Othman et al., 2021). Oleh yang demikian, zakat menjadi salah satu instrumen kewangan sosial dalam muamalah Islam yang memberi peluang kepada anak-anak umat Islam dalam kalangan asnaf untuk mencapai ekuiti pendidikan seterusnya dapat membantu kerajaan Malaysia dalam melaksanakan dan menjayakan dasar pendidikan negara.

### **Peranan Zakat Dalam Mencapai Ekuiti Pendidikan**

Zakat pendidikan berperanan penting dalam mengurangkan kadar keciciran pelajaran dalam kalangan anak-anak asnaf zakat. Melalui pelbagai bentuk bantuan yang disediakan, zakat dapat membantu memastikan bahawa anak-anak dari keluarga yang kurang berkemampuan mempunyai akses kepada pendidikan yang berkualiti dan berterusan. Berikut adalah beberapa cara zakat pendidikan dapat menangani masalah keciciran pelajaran, antaranya melalui:

#### **1. Bantuan kewangan untuk yuran dan keperluan pembelajaran**

Salah satu penyebab utama keciciran pelajaran adalah masalah kewangan. Zakat pendidikan menyediakan bantuan kewangan yang diperlukan untuk membayar yuran sekolah, membeli buku dan keperluan pembelajaran yang lain. Dengan adanya bantuan ini, anak-anak dari keluarga miskin akan dapat terus bersekolah tanpa terbeban oleh masalah kewangan yang sering kali menjadi halangan utama untuk pendidikan mereka. Menurut kajian Siti Nur Azzyati Saharuddin, Amira Hakimah Halimi dan Nor Azatul Asya Nura Mohd Zakaria (2020), sebanyak 89% responden bersetuju bahawa bantuan zakat pendidikan yang diterima membantu mereka dalam proses pembelajaran. Hasil kajian mereka juga menunjukkan bahawa bantuan zakat pendidikan dapat membantu pelajar untuk belajar dengan lebih bersungguh-sungguh dan memberi mereka peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Kajian oleh Mohamad Muhammin Mohamad Zaki dan Jasni Sulong (2021) pula mendapati dengan bantuan zakat ini, pelajar asnaf dapat meningkatkan taraf pendidikan mereka ke tahap yang lebih tinggi. Kajian tersebut menunjukkan bahawa melalui zakat yang diterima dapat mengurangkan kadar keciciran pelajar asnaf dalam pendidikan.

Antara contoh bantuan yang diberikan oleh badan-badan pengelola zakat ialah bantuan yuran penuh penuntut miskin, sekolah agama nidzomi, derma siswa melanjtukan pelajaran ke IPT tempatan dan luar negara, bantuan institusi pondok dan bantuan-bantuan lain yang diberikan oleh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) (Zakaria Othman et al., 2021). Selain itu, LZNK juga memperuntukkan RM 16,682,400 untuk skim bantuan one-off dalam Skim Pendidikan tahun 2020 (Zakaria Othman et al., 2021). Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) pula telah mengagihkan sebanyak RM90,050 kepada 181 penerima bantuan Baitulmal, melibatkan 387 orang anak-anak asnaf yang menerima bantuan kelengkapan persekolahan. Bantuan tersebut telah disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Chembong, YB. Dato'

Zaiful Bahri bin Idris semasa majlis penyampaian bantuan persekolahan bagi sesi 2015 (Azman Ab Rahman dan Ainatul Syafiqah Mohd Din, 2015). Lembaga Zakat Selangor (LZS) juga turut memberikan bantuan yuran dan peralatan sekolah sebanyak RM25,156,300 pada tahun 2016, yang melibatkan seramai 49,158 pelajar asnaf fakir dan miskin meliputi pelajar tadika, sekolah rendah, sekolah rendah agama dan sekolah menengah bagi memperkasakan pendidikan ummah di Selangor (Nor Fariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad, 2017).

## 2. Penyediaan biasiswa dan dermasiswa

Zakat juga digunakan untuk memberikan biasiswa dan dermasiswa kepada pelajar yang berpotensi namun tidak mampu dari segi kewangan. Ini bukan sahaja membantu mereka untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, bahkan juga memberi motivasi kepada mereka untuk berusaha lebih gigih dalam akademik. Mohamad Muhammin Mohamad Zaki dan Jasni Sulong (2021) dalam kajian mereka menyatakan bahawa Lembaga Zakat Negeri Kedah telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan pendidikan, termasuk biasiswa dan dermasiswa untuk membantu pelajar melanjutkan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negara. Pernyataan bantuan biasiswa dan dermasiswa dapat membantu pelajar asnaf dapat melanjutkan pelajaran ke tahap yang lebih tinggi juga disokong oleh kajian Siti Nur Azzyati Saharuddin et al. (2020). Artikel yang diterbitkan melalui laman sesawang tcer.my juga menjelaskan tentang program dermasiswa zakat yang ditawarkan kepada pelajar yang menuntut di institusi pengajian tinggi. Program ini memberikan bantuan kewangan kepada pelajar yang mencapai prestasi akademik tertentu, dengan cara membantu mereka menampung kos pengajian dan mengurangkan beban kewangan. Hal ini menunjukkan bahawa biasiswa dan dermasiswa penting bagi membantu pelajar asnaf melanjutkan pelajaran ke tahap lebih tinggi. Dengan sokongan biasiswa dan dermasiswa ini, mereka akan lebih cenderung untuk menamatkan pendidikan mereka seterusnya dapat mengelakkan keciciran dalam pelajaran. Sebagai contoh, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah memperuntukkan sebanyak RM4,555,204 bagi skim biasiswa dan tajaan dalam pada tahun 2020 (Zakaria Othman et al., 2021).

## 3. Program sokongan pendidikan

Institusi zakat sering melaksanakan program sokongan pendidikan seperti kelas tambahan, tuisyen percuma dan program motivasi. Program-program ini membantu pelajar yang mungkin menghadapi kesukaran dalam pelajaran, memberikan mereka peluang untuk memperbaiki prestasi akademik dan mengurangkan risiko keciciran dalam pelajaran. Program sokongan seperti ini telah memberikan impak positif kepada pelajar asnaf dan meningkatkan pencapaian akademik mereka. Misalnya kajian oleh Siti Nur Azzyati Saharuddin et al. (2020) membincangkan tentang keberkesanan bantuan pendidikan zakat, termasuk program sokongan seperti kelas tambahan dan tuisyen percuma. Dapatkan kajian mereka menunjukkan bahawa bantuan zakat pendidikan memberi impak positif kepada pelajar dalam meningkatkan prestasi akademik mereka. Kajian Norfariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad (2017) juga menunjukkan motivasi dan sokongan moral dapat membantu meningkatkan pendidikan pelajar asnaf ke peringkat yang lebih tinggi.

Sebagai contoh, Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah merangka program kepada anak-anak asnaf serta institusi-institusi pendidikan dan pondok yang terjejas akibat pandemik Covid-19 yang berlaku pada penghujung tahun 2019 (Zakaria Othman et al., 2021). Zakat Pulau Pinang (ZPP) juga telah memperkenalkan dua program baharu pada tahun 2019 khusus untuk anak-anak asnaf iaitu Kursus Perakaunan dengan kerjasama Pusat Perakaunan Profesional Malaysia (MyPAC) yang melibatkan peruntukan sebanyak RM577,129 (Mohamad Muhammin

Mohamad Zaki dan Azman Ab Rahman, 2019). Lembaga Zakat Selangor (LZS) juga telah mengadakan program Sekolah Angkat Selangor untuk anak fakir miskin atau dikenali sebagai PROSA. Sebanyak 146 buah sekolah telah menerima bantuan dengan jumlah bantuan sebanyak RM2.5 juta setahun (Nor Fariza Mohd Radzi dan Nur Aliza Ahmad, 2017).

#### **4. Membangunkan infrastruktur pendidikan**

Zakat juga digunakan untuk membangunkan infrastruktur pendidikan seperti sekolah dan pusat pembelajaran. Dengan menyediakan kemudahan yang baik, anak-anak dari golongan miskin akan lebih berminat untuk bersekolah dan belajar dalam persekitaran yang kondusif. Siti Nur Azzyati Saharuddin et al. (2020) turut menyentuh mengenai peranan zakat dalam membangunkan infrastruktur pendidikan. Azman Ab Rahman dan Ainatul Syafiqah Mohd Din (2015) melalui kajian mereka di Negeri Sembilan juga menyatakan infrastruktur yang baik dapat membantu pelajar asnaf mencapai kejayaan dalam pendidikan. Ini dapat mengurangkan kadar keciciran pelajaran terutamanya di kawasan luar bandar yang mungkin kurang mendapat perhatian.

Sebagai contoh Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) telah memberi bantuan dalam projek khas pembangunan pendidikan Pulau Tuba dengan kerjasama Yayasan Pelajaran MARA yang dijalankan di SMK Langkawi, Pulau Tuba. Selain itu, LZNK turut memberi bantuan projek khas CEO@School yang bertujuan melahirkan CEO Muslim profesional yang pakar dalam bidang perakaunan yang melibatkan kerjasama Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Intan Syafinas (TISSA), Universiti Utara Malaysia (UUM). Jumlah peruntukan yang diberikan oleh LZNK untuk program pembangunan pendidikan dalam skim pendidikan pada tahun 2020 adalah sebanyak RM19,177,732 (Zakaria Othman et al., 2021).

#### **5. Penubuhan Sekolah Zakat**

Antara peranan zakat adalah melalui penubuhan Sekolah Zakat untuk anak-anak asnaf bagi membantu meningkatkan motivasi pembelajaran mereka dan mengurangkan beban kewangan keluarga. Ini kerana melalui penubuhan sekolah ini, semua perbelanjaan pengajian di tanggung oleh pihak lembaga zakat. Sebagai contoh, sekolah zakat adalah dari inisiatif Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Tiga sekolah yang ditubuhkan di bawah LZNK ialah Kolej Agama Sultan Abdul Halim (Sekolah Ulul Albab Zakat Kedah) di Suka Menanti, Sekolah Keusahawanan Zakat Kedah di Mergong dan Maahad Dini Sultan Abdul Halim di Sik. Semua sekolah ini dibiayai sepenuhnya oleh LZNK merangkumi yuran pelajar, yuran makanan, yuran asrama serta perbelanjaan pengurusan sekolah. Pelajar di Sekolah Zakat terdiri daripada anak-anak asnaf fakir, miskin dan fisabilillah dari seluruh negeri Kedah yang dipilih melalui sesi temuduga (Zakaria Othman et al., 2021).

#### **6. Memutuskan kitaran kemiskinan**

Dengan memberikan pendidikan yang berkualiti, zakat pendidikan dapat membantu memutuskan kitaran kemiskinan (Siti Nur Azzyati Saharuddin et al., 2020). Anak-anak asnaf yang berpeluang meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi membolehkan mereka mendapatkan pekerjaan yang lebih baik pada masa hadapan seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka dan keluarga mereka (Nurul Azma Abu Bakar, Norashidah Hashim, Azizah Othman, Raziah Md Tahir dan Mohd Norhaizzat Naim Mohd Azlan, 2022). Ini adalah langkah penting dalam mengurangkan keciciran pelajaran kerana dengan pendidikan yang baik dan berkualiti akan membuka peluang yang lebih luas dan cerah untuk masa depan mereka.

## Kesimpulan

Zakat merupakan satu ibadah dan instrumen kewangan yang sangat penting dalam merealisasikan ekuiti dalam pendidikan. Melalui bantuan kewangan, biasiswa dan program sokongan pendidikan, zakat dapat membantu golongan miskin dan terpinggir agar tidak ketinggalan dalam mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Ekuiti dalam pendidikan adalah prasyarat untuk mencapai keadilan sosial dan pembangunan mampan. Zakat adalah satu instrumen yang sangat berpotensi untuk membantu merealisasikan ekuiti pendidikan ini dengan menyediakan bantuan kewangan dan sokongan pendidikan kepada golongan asnaf yang kurang berkemampuan. Pelbagai pihak seharusnya mengambil inisiatif untuk menjayakan aspirasi pendidikan negara ini. Antara agensi atau institusi yang dapat membantu menjayakan aspirasi negara untuk membantu golongan kurang berkemampuan bagi mendapatkan peluang pendidikan yang saksama dan berkualiti ialah institusi zakat.

Institusi zakat di peringkat negeri turut memainkan peranan dengan menyalurkan bantuan kewangan kepada golongan asnaf untuk membantu mereka mendapatkan pendidikan yang diperlukan. Potensi zakat ini perlulah dioptimumkan sebaik-baiknya melalui penambahbaikan dalam pengumpulan, pengagihan dan pelaksanaan program zakat pendidikan. Kerjasama erat antara pelbagai pihak di peringkat kerajaan dan institusi zakat amat diperlukan untuk memastikan bantuan zakat mencapai impak yang maksimum dalam meningkatkan ekuiti dan pencapaian pendidikan anak-anak asnaf. Dengan komitmen dan usaha yang bersepada, zakat berupaya menjadi pemangkin utama ke arah sistem pendidikan yang adil dan inklusif di mana setiap individu, tanpa mengira latar belakang, mendapat peluang yang sama untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya. Dengan usaha yang berterusan, zakat berupaya menjadi pemangkin untuk mencapai keadilan sosial dan ekuiti dalam pendidikan di Malaysia.

## Rujukan

- Al-Hadhrami Asy-Syafie, Al-'Allamah Abdullah bin Abdurrahman Bafadhal. (2012). *Al-Muqaddimah al-Hadramiyah Fi Fiqh As-Sadah Asy-Syafi'iyyah*. Jakarta: Dar Al-Kutub Al-Islamiyah.
- Azizah Othman, Syarifah Md Yusof, Raziah Md. Tahir, Norashidah Hashim & Mardzelah Makhisin. (2019). Peranan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) Dalam Pembangunan Pendidikan Golongan Asnaf, Proceedings of International Conference on Zakat, Tax, Waqf And Economic Development (ZAWED), 73-85.
- Azman Ab Rahman & Ainatul Syafiqah Mohd Din. (2015). Bantuan Zakat Untuk Pendidikan Kepada Asnaf: Kajian Di Negeri Sembilan. *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2015)* (e-ISBN 978-967-13087-0-7). 1-2 Disember 2015, Shah Alam, Selangor, Malaysia.
- Bernama. (2023, 15 Jun). Faktor kemiskinan antara punca keciciran murid, pelajar. *Astroawani*. Diakses pada 11 September 2024 dari <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/faktor-kemiskinan-antara-punca-keciciran-murid-pelajar-fadhlina-424084>
- Booth, T., & Ainscow, M. (2022). *The Index for Inclusion: A Guide to School Development and Inclusive Education*. Routledge.
- Braun, V. & Clarke, V. (2013). *Successful qualitative research: A practical guide for beginners*. Sage Publications.
- Castelli, L., Ragazzi, S. & Crescentini, A. (2012). Equity in education: A general overview. *Procedia: Social and Behavioral Sciences*, 69, 2243-2250. Retrieved from [www.sciencedirect.com](http://www.sciencedirect.com).
- Datuk Dr Mohd Nizar Sudin. (2021, 31 Ogos). Akses, ekuiti dalam pendidikan beri makna kemerdekaan negara. *Berita Harian*. Diakses pada 9 September 2024 dari

- <https://www.bharian.com.my/renanca/lain-lain/2021/08/858053/akses-ekuiti-dalam-pendidikan-beri-makna-kemerdekaan-negara>
- Gorard, S. & See, B. H. (2022). *What Works in Education: Evidence-Based Policy and Practice*. Policy Press.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Noor. (2004) Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 1(1), 151-166.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Education Statistics Malaysia 2023. Department of Statistics Malaysia.
- Leech, N. L. & Onwuegbuzie, A. J. (2007). An array of qualitative data analysis tools: A call for data analysis triangulation. *School Psychology Quarterly*, 22(4), 557-584. Diakses dari <https://doi.org/10.1037/1045-3830.22.4.557>
- Leon, G. & Valdivia, M. (2015). Inequality in school resources and academic achievement: Evidence from Peru. *International Journal of Educational Development* 40, 71-84.
- Malaysian Education Blueprint 2021-2025. (2023). Ministry of Education Malaysia.
- Mohamad Muhammin Mohamad Zaki & Azman Abdul Rahman. (2019). Pengurusan Agihan Zakat Pendidikan: Kajian Di Zakat Pulau Pinang (ZPP). *Journal of Fatwa Management and Research*. Vol. 17, no. 2 2019 (Special Edition), page 141-173. ISSN: 2232-1047 eISSN: 0127-8886, [www.jfatwa.usim.edu.my](http://www.jfatwa.usim.edu.my)
- Mohamad Muhammin Mohamad Zaki & Jasni Sulong. (2021). Mekanism Agihan Zakat Pendidikan Pengajian Tinggi Dalam dan Luar Negara: Kajian di Lembaga Zakat Negeri Kedah. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 154-176.
- Mohamad Muhammin Mohamad Zaki, Jasni Sulong & Hafizah Zainal. (2021). Penentuan skim agihan zakat pendidikan: Kajian di Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). *Azka International Journal of Zakat & Social Finance*, 123-147.
- Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid (2023, 11 Jun). Keciciran pelajaran tinggi kerana pelajar bekerja sara keluarga. Harian Metro. Diakses pada 11 September 2024 dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/976697/keciciran-pelajaran-tinggi-kerana-pelajar-bekerja-sara-keluarga>
- Muhadir Haji Joll. (2017). *Mishbahud Duja Syarah Safinah An-Naja*. Petaling Jaya: Galeri Ilmu Sdn. Bhd.
- Nor Asmira Mat Jusoh, Zanirah Mustafa@Busu, Noraini Junoh, Norazmila Yusof & Ahmad Murshidi Mustapha. (2022). Pendidikan Asnaf Fakir dan Miskin Melalui Sinergi Dana Zakat dalam Membasmi Keciciran, *Proceedings Science, Ethics & Civilization*; Vol.1.2022; 72-76. Penerbit Majmuah Enterprise.
- Norfariza Mohd Radzi & Asmak Ab. Rahman. (2019) Zakat and educational equity of urban poor children. *The Online Journal of Islamic Education*, 7(2), 29-39.
- Norfariza Mohd Radzi & Husaina Banu K. (2017). Educational equity for Malaysian urban poor Muslim students. *Malaysian Online Journal of Educational Management* 5(4), 47-62.
- Norfariza Mohd Radzi & Nur Aliza Ahmad. (2017). Peranan Zakat Dalam Meningkatkan Ekuiti Dalam Pendidikan Anak-Anak Miskin Bandar Di Malaysia. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Julai 2017, Bil. 4, Isu 3, E-ISSN: 2289-9669.
- Nurul Azma Abu Bakar, Norashidah Hashim, Azizah Othman, Raziah Md Tahir dan Mohd Norhaizzat Naim Mohd Azlan. (2022). Sekolah Zakat: Peluang Peningkatan Kualiti Hidup Menerusi Institusi Pendidikan. *International Journal of Islamic Business*, 7(1), 61-76. <https://doi.org/10.32890/ijib2022.7.1.5>
- Patmawati Ibrahim. (2008). Pembangunan ekonomi melalui agihan zakat: Tinjauan empirikal. *Jurnal Syariah*, 16(2), 223-244.

- Pusat Pungutan Zakat MAIWP. (2024). Dermasiswa Zakat IPT. *Pusat Pungutan Zakat MAIWP*.  
<https://www.tcer.my/dermasiswa-zakat-ipt>
- Rawls, J. (1971). *A Theory of Justice*. Cambridge, Massachusetts: The Belknap Press of Harvard University Press.  
<https://www.csus.edu/indiv/c/chalmersk/econ184sp09/johnrawls.pdf>
- Rawls, J. (1999). *A Theory of Justice: Revised Edition*. Cambridge, Massachusetts: The Belknap Press of Harvard University Press.  
[http://www.consiglio.region.campania.it/cms/CM\\_PORTALE\\_CRC/servlet/Docs?dir=docs\\_biblio&file=BiblioContenuto\\_3641.pdf](http://www.consiglio.region.campania.it/cms/CM_PORTALE_CRC/servlet/Docs?dir=docs_biblio&file=BiblioContenuto_3641.pdf)
- Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 (Pendidikan Pra Sekolah Hingga Lepas Menengah) diakses pada 9 September 2024 dari [https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Pelan-Pembangunan-Pendidikan-2013\\_2025.pdf](https://www.pmo.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/Pelan-Pembangunan-Pendidikan-2013_2025.pdf)
- Rubin, H. J. & S. Rubin, I. (2012). *Qualitative interviewing: The art of hearing data* (3rd. ed.). Los Angeles: Sage Publications.
- Saharuddin, S. N. A. B., Halimi, A. H. B. & Zakaria, N. A. A. N. B. M. (2020). Tahap keberkesanan zakat pendidikan dari sudut sosial: Kajian di KPBKL. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 17(2), 141-170.
- Solis, A. (2000). *Equity principles and school reform: What it takes to ensure that "All Means All"*. Retrieved from [http://www.idra.org/IDRA\\_Newsletter/February\\_2000\\_Excellence\\_Requires\\_Equity/Equity\\_Principles\\_and\\_School\\_Reform/#sthash.nUhURzv7.dp](http://www.idra.org/IDRA_Newsletter/February_2000_Excellence_Requires_Equity/Equity_Principles_and_School_Reform/#sthash.nUhURzv7.dp)
- UNDP Malaysia. (2023). *Malaysian Human Development Report 2023*. United Nations Development Programme.
- UNESCO. (2023). *Global Education Monitoring Report 2023: Inclusion and Education*. United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization.
- World Bank. (2023). *Malaysia Education Sector Analysis: Challenges and Opportunities*. World Bank Group.
- Zakaria Othman, Hafizah Zainal, Azizah Othman, Mohd Adil Mustaffa, Mohd Faisal Mustaffa & Muhammad Faiz Hussin Shokri. (2021). Peranan Lembaga Zakat Negeri Kedah dalam Menyuburkan Pendidikan Orang Kedah. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IX: Naskhah Ulama Melayu dalam Akal Budi Nusantara*: Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia. ISBN 978-967-2623-40-3.